

Rujukan kami : UMP.02.01/10.12//2/1/1(22)
Tarikh : 18 Ogos 2017

Senarai edaran seperti di lampiran,

Tuan/Puan,

SURAT EDARAN : LARANGAN PENJAWAT AWAM UNTUK MENJADI AGEN ATAU WAKIL SYARIKAT KEPADA MANA-MANA AGENSI PELANCONGAN

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Berdasarkan kepada surat edaran yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia Negeri Pahang didapati bahawa wujudnya penglibatan penjawat awam yang bertindak sebagai agen/wakil syarikat umrah yang bertanggungjawab dalam urusan mencari jemaah/peserta dan turut menerima bayaran bagi pihak syarikat pengendalian umrah. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia Negeri Pahang mengeluarkan larangan penjawat awam untuk menjadi agen atau wakil syarikat kepada mana-mana agensi pelancongan.

3. Bersama-sama ini dipanjangkan surat edaran berkenaan larangan penglibatan penjawat awam untuk menjadi agen atau wakil syarikat kepada mana-mana agensi pelancongan untuk perhatian dan makluman tuan/puan.

Kerjasama tuan/puan di dalam perkara ini sangatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

”Memasyarakatkan Teknologi”

Saya yang menurut perintah,


(SABAREHAN BINTI HAJI ISMAIL)

Pemangku Timbalan Pendaftar,
Bahagian Khidmat Pengurusan,
b.p. Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi.
sk. :

1. Naib Canselor
2. Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi



PEJABAT KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA
 NEGERI PAHANG
 KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA
 (MINISTRY OF TOURISM AND CULTURE MALAYSIA)
 B8006, Tingkat 1-3, Sri Kuantan Square,
 Jalan Teluk Sisek, 25000 KUANTAN
 PAHANG DARUL MAKMUR

Tel : 609-517 1111/517 1112
 Fax : 609-514 6900
 Portal Rasmi : www.motac.gov.my



Ruj. Kami: KPL/C/PLN 682-1/1(31)
 Tarikh : 4th Julai 2017



YBhg Dato' /Tuan/Puan ,

LARANGAN PENJAWAT AWAM UNTUK MENJADI AGEN ATAU WAKIL SYARIKAT KEPADA MANA-MANA AGENSI PELANCONGAN

Dengan segala hormatnya saya diarah menarik perhatian YBhg Dato'/Tuan/Puan mengenai surat dari Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia nombor rujukan MOTAC.600-4/1/42 JLD.(33) bertarikh 01 Jun 2017 serta perkara yang tersebut di atas.

2. Pihak KPK telah mendapati wujudnya penglibatan penjawat awam yang bertindak sebagai agen/wakil syarikat umrah yang bertanggungjawab dalam urusan mencari jemaah/ peserta dan turut menerima bayaran bagi pihak syarikat pengendalian umrah. Sehubungan dengan itu, dipohon kerjasama pihak YBhg Dato' /Tuan/Puan untuk memanjangkan larangan penglibatan penjawat awam untuk menjadi agen atau wakil syarikat mana-mana agensi pelancongan kepada para pegawai di bawah seliaan YBhg Dato' /Tuan/Puan.

6. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan atau mendapatkan keterangan lanjut, sila hubungi Encik Mohamad Ali Bin Osman, Unit Pelesenan Pelancongan, Pejabat Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Pahang di talian 09-5171113/5171111.

Di atas kerjasama dan juga keprihatinan tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"1 MALAYSIA" RAKYAT DIDAHULUKAN. PENCAPAIAN DIUTAMAKAN.

Saya yang menurut perintah,

(**MOHAMAD ALI BIN OSMAN**)
 Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Negeri Pahang
 b.p. Ketua Setiausaha
 Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia

PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN PEMANGKIN PERPADUAN





KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA
(MINISTRY OF TOURISM AND CULTURE MALAYSIA)

Aras 1, 4-5, 10-15, 17 & 18
No. 2, Menara 1, Jalan P5/6
Presint 5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62200 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Tel : 603-8000 8000
Faks : 603-8891 7100
Portal Rasmi : www.motac.gov.my

Rujukan : MOTAC.600-4/1/42 JLD.(33)

Tarikh : 01 Jun 2017

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Berkanun

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan,

**LARANGAN PENJAWAT AWAM UNTUK MENJADI AGEN ATAU WAKIL
SYARIKAT KEPADA MANA-MANA AGENSI PELANCONGAN**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian pihak YBhg. Tan Sri/
Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/
Datuk/ Dato'/ Tuan, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia
(KPK) telah menerima beberapa aduan berkaitan penganjurkan aktiviti
pelancongan terutamanya pengendalian pakej umrah yang melanggar Akta
Industri Pelancongan 1992 [Akta 482]. Hasil dari pemantauan dan siasatan
oleh pihak Kementerian mendapati wujudnya penglibatan penjawat awam
yang didapati turut bertindak sebagai agen umrah yang bertanggungjawab
dalam urusan mencari jemaah / peserta dan turut menerima bayaran bagi
pihak syarikat pengendali umrah.

3. Untuk makluman pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/
Datuk/ Dato'/ Tuan, Seksyen 5(2) Akta 482 menyatakan *bahawa tiada
seorang pun boleh menjalankan atau mengendalikan, atau menganjurkan
dirinya sebagai menjalankan atau mengendalikan –*

PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN PEMANGKIN PERPADUAN



(a) *perniagaan pengendalian pelancongan; atau*

(b) *perniagaan agensi pengembaraan.*

*melainkan jika ia adalah suatu syarikat dan memegang lesen sah yang diberikan di bawah Bahagian ini. Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini adalah menjadi suatu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi **RM50,000.00** atau penjara tidak melebihi **5 tahun** atau kedua-duanya. Perkara ini juga adalah selaras dengan Peraturan 5, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 bagi maksud menjalankan kerja luar yang mana penglibatan penjawat awam dalam perkara ini boleh menjejaskan imej dan kepentingan Kerajaan serta perkhidmatan awam.*

4. Sehubungan dengan itu, adalah dipohon kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan untuk **memanjangkan larangan penglibatan penjawat awam untuk menjadi agen atau wakil syarikat kepada mana-mana agensi pelancongan** kepada para pegawai di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan. Perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


DATUK HJ. AB. GAFFAR BIN A. TAMBİ

Ketua Setiausaha

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia